

Graduan Kejuruteraan Awam UMS sedia penuhi pasaran sektor pembinaan negara

UB 22.5.2018 A2

KOTAKINABALU: Kursus teknikal Acuan dan Perancah Binaan yang melibatkan pelajar Fakulti Kejuruteraan (FKJ) Universiti Malaysia Sabah (UMS) mampu mengetengahkan kepada peserta tentang kemahiran teknikal serta pengalaman sebagai persediaan bakal graduan Kejuruteraan Awam untuk memenuhi pasaran sektor pembinaan negara.

Menurut pengarah program, Sahaluddin Syah Jawaludi, program itu penting bagi pelajar Kejuruteraan Awam sebagai salah satu medium pembelajaran selain daripada kuliah.

“Sesi seminar yang diadakan dapat menambah pengetahuan dan memberi pendedahan kepada pelajar tentang sistem acuan dan perancah binaan.

“Bagi sesi praktikal pula, peserta berpeluang mencuba sendiri kaedah pemasangan sistem acuan dan perancah binaan, ini secara tidak langsung dapat menguatkan lagi kemahiran pelajar dan menambah pengalaman yang berharga,” katanya.

Sementara itu, Pensyarah Kejuruteraan Awam Sr Asmawan Mohd Sarman berkata sepanjang program itu berlangsung, para pelajar berpeluang untuk

diketengahkan dengan penggunaan teknologi mesin dan peralatan dari Jerman yang disediakan oleh Syarikat PERI Formwork Malaysia Sdn Bhd.

“Diharapkan program ini memberi pendedahan awal kepada pelajar yang bakal memenuhi pasaran sektor pembinaan pada masa akan datang dan sekali gus mereka lebih bersedia dengan suasana kawasan pembinaan yang terkenal dengan 3D, iaitu, ‘Danger, Dirty and Difficult’.


“Selain itu, program ini juga dapat melahirkan graduan yang berkualiti, berkeyakinan dan

berintegriti,” katanya.

Pelajar tahun dua Kejuruteraan Awam, Fatin Munirah Mohd ketika berkongsi pengalaman beliau berkata, program itu sangat bermanfaat kepada pelajar yang mengambil jurusan kejuruteraan.

“Ini kerana, graduan kejuruteraan seharusnya mempunyai pendedahan berkaitan perihal praktikal seperti penggunaan perancah di tapak pembinaan,” katanya.

Program yang berlangsung selama tiga hari itu disertai seramai 70 pelajar dan pensyarah Kejuruteraan Awam.



PARA peserta kursus yang terdiri daripada pelajar Kejuruteraan Awam UMS merakamkan gambar kenangan.